



## “EXPLORACE JEJAK WARISAN KUALA LANGAT 2023”

### SEMPENA PENGISYTIHARAN PERBANDARAN KUALA LANGAT KE-3

#### TERMA DAN SYARAT PENYERTAAN

##### 1. NAMA

1.1 Pertandingan ini dinamakan **sebagai “Explorace Jejak Warisan Kuala Langat 2023”** yang diadakan bersemepena Pengisytiharan Perbandaran Kuala Langat 2023 anjuran Majlis Perbandaran Kuala Langat. Disamping itu, pertandingan ini bertujuan para peserta dapat menerokai warisan-warisan sejarah dan tempat-tempat pelancongan menarik di sekitar daerah ini.

##### 2. KELAYAKAN PESERTA DAN YURAN PENYERTAAN

- 2.1 **Pertandingan ini terbuka** kepada seluruh warganegara Semenanjung Malaysia berumur 18 tahun ke atas dan Orang Kurang Upaya adalah digalakkan menyertai pertandingan ini.
- 2.2 Jumlah peserta bagi setiap pasukan adalah **empat (4) orang** dan setiap pasukan **WAJIB mempunyai kenderaan sendiri** (kenderaan berdaftar dan mempunyai cukai jalan yang belum tamat tempoh dan peserta yang menjadi pemandu kenderaan hendaklah mempunyai lesen memandu yang sah).
- 2.3 Yuran penyertaan adalah sebanyak **RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** bagi **setiap pasukan**.
- 2.4 Sila muat naik resit / slip bayaran ke dalam **google form** semasa mengisi borang penyertaan.

2.5 Yuran penyertaan **tidak akan dipulangkan** sekiranya pasukan yang menyertai pertandingan ini **menarik diri sama ada sebelum atau semasa pertandingan berlangsung**.

2.6 Kaedah Pembayaran Yuran Penyertaan

Bayaran boleh dibuat **secara atas talian** dan perlu **nyatakan catitan “EXPLORACE MPKL 2023” beserta NAMA KUMPULAN di bahagian rujukan bayaran** ke akaun seperti berikut;

**NAMA : BADAN KEBAJIKAN MAJLIS PERBANDARAN  
KUALA LANGAT**  
**BANK : MAYBANK BERHAD**  
**NO. AKAUN : 012053111555**

### **3. PENDAFTARAN DAN TAKLIMAT**

- 3.1 Setiap pasukan hendaklah mengisi borang pendaftaran secara dalam talian melalui **pautan google form** atau **Kod QR** berikut:
- 3.2 Borang penyertaan yang lengkap diisi hendaklah dihantar atau dimuat naik bersama resit yuran penyertaan dalam **google form** sebagai bukti pembayaran penyertaan.
- 3.3 Pendaftaran penyertaan akan **DITUTUP** pada **1 SEPTEMBER 2023 pada jam 5.00 petang**.
- 3.4 Setiap peserta akan diberikan T-shirt.
- 3.5 Pendaftaran penyertaan pasukan adalah **TERHAD kepada 40 pasukan sahaja**.
- 3.6 Sesi taklimat akan dijadualkan pada **8 SEPTEMBER 2023 pada jam 3.00 petang secara atas talian**.
- 3.7 Semua peserta perlu hadir ke **tempat pelepasan di Dataran Banting (carian lokasi Google Maps “Dataran Banting” atau koordinat lokasi: 2.8032399415961393, 101.49462956686067)** selewat-lewatnya sebelum **jam 8.00 pagi** untuk sesi pendaftaran dan penyerahan kit explorace. Pelepasan akan bermula pada **jam 9.00 pagi, 9 September 2023 (Sabtu)**.

#### **4. FORMAT ACARA**

- 4.1 Semua pasukan diingatkan untuk mematuhi syarat-syarat dan undang-undang trafik semasa di jalan raya dan peraturan pertandingan yang ditetapkan oleh pihak penganjur pada setiap masa sepanjang pertandingan ini berlangsung.
- 4.2 Peserta WAJIB melekatkan sticker yang dibekalkan di badan kenderaan masing-masing sehingga ke garisan penamat.
- 4.3 Arah tuju lokasi “Explorace” adalah berpanduan “Pembayang” yang akan diberi pada permulaan acara dan tempat-tempat yang ditetapkan oleh pihak penganjur.
- 4.4 Peserta perlu melalui ke semua lokasi check point yang disediakan dan menjawab soalan dan menyelesaikan tugasannya di lokasi tersebut.
- 4.5 Markah dikira berdasarkan bilangan jawapan/tugasannya yang berjaya diselesaikan sehingga ke garisan penamat mengikut masa yang ditetapkan dan bukan mempertimbangkan kumpulan pertama yang sampai.
- 4.6 Pihak penganjur akan menetapkan cut off time bergantung kepada masa pelepasan bagi setiap pasukan (flag off). Ini bagi mengelakkan kelewatan pasukan bermula dan berakhir.
- 4.7 Markah juga akan **DITOLAK** bagi pasukan yang tiba **SELEPAS CUT OFF TIME** tersebut.
- 4.8 Pasukan yang tiba lewat **30 MINIT SELEPAS CUT OFF TIME** akan **tersingkir** (DQ).
- 4.9 Pihak urusetia tidak akan bertanggungjawab terhadap risiko seperti kemalangan, kerugian, berlaku sebarang tindakan oleh mana-mana pihak berkuasa lain dan sebagainya kepada mana-mana pasukan disebabkan pertandingan ini sama ada sebelum, semasa atau selepas pertandingan ini berlangsung.
- 4.10 Kos minyak dan tol adalah dibawah tanggungan peserta.

## **5. SISTEM PEMARKAHAN DAN PENENTUAN PEMENANG**

- 5.1 Penentuan pemenang akan dibuat oleh Jawatankuasa Penganjur berdasarkan ciri penilaian dari segi:
- a) Peserta berjaya menyempurnakan setiap tugas yang diberi.
  - b) Setiap jawapan dijawab dengan lengkap dan tepat.
  - c) Kepantasan masa penyerahan jawapan dan ketepatan masa serta lain-lain.
- 5.2 Keputusan pertandingan yang diumumkan oleh Jawatankuasa Penganjur adalah **MUKTAMAD**. Sebarang bantahan tidak akan diterima dan dilayan.

## **6. HADIAH PERTANDINGAN**

- 6.1 Hadiah pertandingan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Hadiah dalam bentuk **WANG TUNAI**:

- Johan                 :     RM 1,300.00
- Naib Johan           :     RM 930.00
- Ketiga               :     RM 730.00
- Ke-4 hingga Ke-10 :     RM 130.00

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**  
**“EXPLORACE JEJAK WARISAN KUALA LANGAT 2023”**

- (1) Setiap kumpulan **terdiri daripada empat (4) orang peserta bagi sebuah kereta.**
- (2) Setiap peserta **WAJIB** mempunyai **telefon bimbit pintar.**
- (3) Semua peserta yang menerima T-shirt dikehendaki **memakai T-shirt yang telah diberikan oleh pihak penganjur.**
- (4) Yuran penyertaan adalah **RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** bagi **setiap pasukan.**
- (5) Yuran penyertaan perlu dibayar secara atas talian ke akaun Badan Kebajikan Majlis Perbandaran Kuala Langat dan perlu nyatakan catitan “**EXPLORACE MPKL 2023**” beserta **NAMA KUMPULAN** di bahagian rujukan bayaran ke akaun tersebut.
- (6) **Slip / resit pembayaran hendaklah dimuat naik ke dalam pautan google form semasa mengisi borang pendaftaran.**
- (7) Para peserta pada hari pertandingan dikehendaki berada di **Dataran Banting sebelum jam 8.00 pagi bagi pendaftaran dan penyerahan kit explorace.**
- (8) Keputusan Jawatankuasa Penganjur adalah **MUKTAMAD.** Sebarang rayuan atau bantahan tidak akan diterima dan dilayan.
- (9) Sebarang **risiko dan kerugian yang berlaku** sepanjang pertandingan ini berlangsung adalah **dibawah tanggungjawab sendiri sepenuhnya.**

**Sebarang pertanyaan boleh hubungi:**

**URUSETIA “EXPLORACE JEJAK WARISAN KUALA LANGAT 2023”**  
**JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**  
**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**3-2-A, JALAN SUASA 1, PUSAT PERNIAGAAN SUASA**  
**42700 BANTING**  
**SELANGOR DARUL EHSAN.**

**Pn. Hanim atau En. Hafiz di talian 03-31803694 / 017-6734374 / 014-7062560.**